



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 1 tengah hari, 2 November 2024

Untuk Terbitan Media

2 November 2024

SIARAN MEDIA

PERKESO-GPPPKMM METERAI KERJASAMA DEMI KEBAJIKAN PENJAJA, PENIAGA KECIL

BUTTERWORTH: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM) memeterai kerjasama untuk mengukuhkan aspek keselamatan sosial dalam kalangan penjaja serta peniaga kecil.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata percaturan strategik itu sejajar langkah mewajibkan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) bagi sektor penjaja yang berkuat kuasa 1 September lalu.

Katanya, aspek hebahan mengenai kepentingan dan manfaat SKSPS yang memperuntukkan lapan faedah utama kepada pencarum akan diperkasa menerusi platform GPPPKMM memandangkan gabungan berkenaan mempunyai hampir 450,000 ahli di seluruh negara.

“Menerusi kerjasama ini, pelbagai aktiviti akan dilaksanakan dalam segenap aspek antaranya program promosi dan perkongsian data SKSPS; aktiviti kesedaran dan pendidikan berkenaan keselamatan perlindungan sosial serta program Skwad PERKESO Prihatin.

“Malah, pengajuran karnival kerjaya, perkhidmatan MYFutureJobs dan inisiatif reskilling dan upskilling untuk ahli-ahli GPPPKMM akan dikongsikan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir menyaksikan pemeeterian MoU antara PERKESO dan GPPPKMM sempena Konvensyen Hari Penjaja & Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan (HPPK) 2024, di Pusat Konvensyen PICCA, di sini, hari ini.

Dokumen MOU dimeterai antara Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Presiden GPPPKMM, Dato' Zainal Abidin Abdul Majid.

Turut hadir menyaksikan pemeteraian MoU berkenaan adalah Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Datuk Ewon Benedick, Ketua Setiausaha KUSKOP, Dato' Sri Khairul Dzaimie Daud, Ketua Bahagian Skim Pekerjaan Sendiri PERKESO, Mohamad Haron Othman serta Timbalan Presiden GPPPKMM, Onn Mohd Yassin.

Terdahulu, PERKESO memperuntukkan tempoh peralihan selama empat bulan kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS) dalam sektor penjaja untuk mendaftar dan mencarum SKSPS, sebelum penguatkuasaan penuh dilaksanakan pada 1 Januari 2025.

Berdasarkan perangkaan PERKESO sehingga 25 Oktober lalu, seramai 716,604 individu mencarum menerusi SKSPS, dengan 60,829 daripadanya terdiri daripada penggiat sektor penjaja.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
2 November 2024**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my